

PERKHEMAHAN UNIT BERUNIFORM DI KAMPUNG SURVIVAL NO 5 SKN, PU LABUAN

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2668-perkhemahan-unit-beruniform-di-kampung-survival-no-5-skn-pu-labuan

LABUAN, 8 Nov 17 – Sekolah Kebangsaan Membedai dengan kerjasama dari No 5 Skn telah menganjurkan Perkhemahan Unit Beruniform bertempat di Kampung Survival No 5 Skn, PU Labuan. 114 orang murid terlibat dalam aktiviti perkhemahan ini yang terdiri daripada 4 buah sekolah di sekitar Labuan iaitu SK Membedai, SK Bedaun, SK Pantai DAN SK Layang Layangan.

Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah Pertandingan Kawad Kaki, Kelas Pertolongan Kecemasan di medan, Kelas Isyarat Bantuan Udara dan Kelas Mengenali Khemah Dan Perangkap. Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah mengiktiraf aktiviti perkhemahan ini sebagai aktiviti Perkhemahan Peringkat Negeri.

